

JABATAN PERDANA MENTERI



1. **“PROJEK PEMBAYARAN DENDA KESALAHAN LALULINTAS SECARA DALAM TALIAN”**
Kumpulan “Unit Kompaun dan Saman” | Pasukan Polis Diraja Brunei

SINOPSIS

Projek ini adalah menyahut seruan kerajaan melalui pihak Jabatan Perbendaharaan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memikirkan inisiatif untuk meningkatkan kutipan dalam menangani isu tunggakan hasil dan pembayaran. Isu tunggakan hasil seperti ini perlu ditangani dengan segera dan setiap jabatan perlu memikirkan dan memberikan cadangan langkah untuk meningkatkan kutipan hasil kerajaan termasuk menerokai sumber tatacara kutipan hasil yang baru.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) adalah salah satu Jabatan pada ketika ini menghadapi permasalahan tersebut. Permasalahan ini boleh dikategorikan sebagai tahap sangat membimbangkan. Salah satu faktor menyumbang kepada tunggakan hasil ini adalah disebabkan oleh orang awam yang di denda kesalahan lalulintas dengan sengaja tidak menjelaskan denda mereka tepat pada waktunya.

PPDB melalui Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (JSKLL) telah membentuk satu Jawatankuasa Kerja bagi penyelesaian tunggakan denda kesalahan lalulintas dimana jawatankuasa ini telah menghadapkan permohonan ke Jabatan Perbendaharaan agar sebahagian tunggakan tersebut dihapuskan dari kira – kira kerajaan.

Jika permasalahan ini tidak ditangani dengan segera ianya akan memberi impak yang negatif kepada PPDB kerana jumlah tunggakan akan semakin meningkat setiap tahun. Secara tidak langsung ianya juga memberikan implikasi kepada negara ini kerana kerajaan masih lagi mengalami defisit belanjawan, dimana jumlah perbelanjaan setiap tahun jauh lebih tinggi daripada kutipan hasil.

Oleh itu, salah satu cadangan dikemukakan bagi menambah baik kaedah kutipan hasil bagi mengurangkan tunggakan dan seterusnya meningkatkan kutipan hasil PPDB adalah dengan melaksanakan pembayaran secara atas talian atau ‘online payment’. Ini dijangkakan akan dapat membantu orang awam yang di denda kesalahan lalulintas kerana mereka tidak lagi perlu berurusan ke kaunter JSKLL serta Balai – Balai Polis seluruh negara kerana mereka hanya perlu membuat pembayaran secara atas talian.



2. “PENAMBAHBAIKAN SISTEM JOBCENTRE BRUNEI”
Kumpulan “JCB Team” | JobCentre Brunei

SINOPSIS

JobCentre Brunei (JCB) telah ditubuhkan pada tahun 2017 dimana sebelumnya dikenali sebagai Agensi Pembangunan Tenaga Kerja (APTK) dibawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Pada penghujung tahun 2019, JobCentre Brunei diserapkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Sistem JobCentre Brunei pada awalnya dikenali sebagai ‘Electronic Labour Exchange (ELX) System’ yang dibangun dan digunakan oleh APTK sejak tahun 2009. Pada tahun 2017, sistem tersebut telah di serahkan kepada kumpulan IT di JobCentre Brunei.

Sistem ELX mempunyai fungsi dan peranan sebagai platform bagi Pencari Kerja dan Majikan iaitu khusus bagi pengurusan atas talian (online management) bagi pengiklanan dan permohonan jawatan kosong di sektor swasta secara atas talian (online).

Setelah penyerahan sistem kepada JobCentre Brunei, penyelidikan telah dibuat bagi menambahbaikkan sistem. Melalui penyelidikan, pihak JCB telah mengenal pasti masalah yang kerap di hadapi oleh pengguna sistem tersebut dan menganalisa peningkatan utama dan kritikal yang boleh membawa nilai yang besar kepada JobCentre Brunei. Setelah itu JCB membuat perancangan dan memberikan cadangan bagi penambahbaikkan sistem JCB yang berperanan untuk meningkatkan pengalaman pengguna dalam menggunakan sistem JCB serta meningkatkan kebolehpercayaan dan kestabilan sistem.

Pada 27 Mac 2020, JobCentre Brunei telahpun melancarkan penaiktarafan sistem JCB. Sistem JCB yang baru ini direkabentuk bagi memudahkan tiga golongan pengguna; Pencari Kerja (jobseekers) yang mahu menggandakan usaha mencari peluang kerja yang sesuai, Majikan (employers) yang perlu mencari dan mengambil calon yang sesuai, dan juga masyarakat awam dan pihak berkepentingan dalam usaha meningkatkan *employability* di negara ini.



3. **“PERKHIDMATAN SIARAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI SECARA ONLINE
MENGUNAKAN OVER-THE-TOP (OTT)”**

Kumpulan “TeamGo” | Radio Televisyen Brunei

SINOPSIS

Perkhidmatan Over-The-Top (OTT) merupakan sebuah platform yang digunakan bagi menyiarkan video atau multimedia yang boleh didapati dan diikuti terus oleh pengguna di dalam dan luar negeri secara dalam talian (online). Ini adalah termasuk penyiaran bagi program-program yang bersiaran secara langsung (live streaming TV), program-program radio (live streaming radio), Video-On-Demand (VOD) dan Audio Podcast.

Sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, RTB turut meneroka penggunaan perkhidmatan OTT dengan mencipta jenama “RTBGo” sebagai salah satu langkah alternatif kepada penyiaran konvensional dalam mengembangkan skop audiens di mana audiens hanya perlu mempunyai rangkaian (internet) dan alat peranti mudah alih (portable devices) seperti telefon bimbit, tablet, komputer dan sebagainya bagi mengikuti siaran-siaran televisyen dan radio.

RTBGo mula diperkenalkan kepada orang ramai pada 15 Ogos 2019 dengan saluran televisyen RTB Sukmaidera, lima rangkaian radio (Nasional FM, Pilihan FM, Pelangi FM, Harmoni FM dan Nur Islam), VOD dan Audio Podcast. RTBGo juga mempunyai satu saluran TV “GoLIVE” yang dikhususkan bagi menyiarkan program siaran langsung atau program khas yang tidak disiarkan melalui saluran tv secara konvensional.

RTBGo dilaksanakan melalui tiga fasa iaitu Fasa Pertama: Percubaan dan Pembelajaran (Learning and Trial) sebagai langkah permulaan dalam memperkenalkan dan mempelajari platform baharu, Fasa Kedua: Penambahbaikan dan Sosialisasi (Improvisation and Socialisation) bagi pemantauan lebih lanjut dilengkapi dengan penambahbaikan selaras dengan keperluan dan ekspektasi audiens, serta Fasa Ketiga: RTBGo Live, langkah terakhir dalam mengekalkan platform digital RTBGo.

RTBGo kini telah menjangkau sebanyak 262,698 pengguna/audiens (Data Analytics RTBGo August 2019 - May 2020) bukan sahaja terdiri dari penduduk di Negara Brunei Darussalam, malahan dari luar negara.

KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI



4. "MEMUDAHCARA PERMOHONAN PELEPASAN PELABUHAN"
Kumpulan "JKED" | Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja

SINOPSIS

Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja (JKED) selaku peneraju utama program Perdagangan Merentas Sempadan (Trading across borders) bertanggungjawab di dalam pemantauan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti yang melibatkan proses-proses penambahbaikan dan pembaharuan di dalam hal ehwal perdagangan merentas sempadan seperti impot dan eksport.

Di dalam konteks projek ini, JKED telah mengemaskini proses kerja bagi permohonan pelepasan pelabuhan dengan mengenakan satu sistem maklumat yang dibangunkan melalui Brunei Darussalam Single Window iaitu Port Clearance Module (PCM). PCM ini dijangkakan untuk menangani isu-isu yang timbul antara agensi mengawal dan ejen-ejen perkapalan. Disamping itu juga, penggunaan sistem PCM ini dihasratkan dapat meningkatkan prestasi di dalam pelepasan pelabuhan yang menjadi indicator di dalam Trading Across Borders (TAB) kajian World Bank.

Dengan pembangunan sistem maklumat PCM, JKED berpeluang untuk menambahbaik beberapa proses yang berkaitan seperti memberikan kebenaran secara "auto-approval" bagi Kementerian Kesihatan ke atas mana-mana permohonan yang memenuhi syarat memberikan kelebihan kepada permohonan-permohonan yang dihadapkan. Penggunaan semula data atau dokumen yang telah dimuatnaik juga membantu mempercepatkan lagi proses permohonan serta memberikan kemudahan kepada ejen-ejen perkapalan. Agensi-agensi yang terlibat dalam memberikan kebenaran dapat melihat status kebenaran agensi yang berkaitan. Sejauh ini secara purata sebanyak 683 permohonan telah dihadapkan setiap bulan.



5. “SMART UNIVERSITY UNISSA”

Kumpulan “AL MUBTAKIRUN” | Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

SINOPSIS

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) adalah salah sebuah universiti tempatan yang memainkan peranan penting dalam melahirkan pelajar yang berilmu dan bertaqwa dengan dilengkapi pendidikan ugama dan teknologi dalam menuju kecemerlangan duniawi dan ukhrawi.

Dalam usaha untuk memantapkan pengurusan dan pentadbiran UNISSA terhadap warganya, Projek At-Tasheel v1.0 – *Smart University* UNISSA memanfaatkan teknologi *RFID* (*Radio Frequency Identification*) bagi menggabungkan pelbagai proses pengurusan yang sedia ada untuk mewujudkan ekosistem digital berintegrasi yang diperkemas, efektif, telus dan seterusnya menjimatkan perbelanjaan kerajaan. Proses-proses pengurusan digabungkan bagi Fasa 1 ini ialah sistem rekod kupon permakanan bagi pelajar yang tinggal di Kolej kediaman UNISSA, rekod kehadiran pelajar ke bilik kuliah dan rekod kehadiran acara-acara rasmi UNISSA.

Inovasi sistem ini bertitik tolak dari Laporan Pengauditan Pengurusan UNISSA bagi Tahun Kewangan 2015/2016 terhadap pengurusan kupon yang didapati kurang memuaskan dan menimbulkan keraguan terhadap jumlah tuntutan pembayaran serta penyimpanan kupon yang tidak teratur dan selamat.

Ciri-ciri projek ini adalah sebagai satu sistem peralihan menukar proses manual kepada sistem digital yang lebih tersusun, terperinci dan cepat. Dengan melaksanakan projek ini, cabaran dan impaknya amat tinggi dalam perubahan pengurusan, minda dan tingkah laku. Dari segi teknikalnya, teknologi *RFID* perlu berfungsi sepenuhnya dengan baik dan stabil membolehkan penggunaannya lebih meluas dan dipertingkatkan ke fasa seterusnya. UNISSA sebagai universiti perintis yang menggunakan teknologi *RFID* untuk mencapai *Smart University* secara penuh dan selari dengan wawasan negara ke arah *Smart Nation* dan mendukung pelan induk ekonomi digital 2025.



6. “UBD FEEDBACK SYSTEM (EHELP)”

Kumpulan UBD “eHelp Team” | Universiti Brunei Darussalam

SINOPSIS

Since 2015, Universiti Brunei Darussalam (UBD) in its documented Strategic Goals called Towards 2020 is committed in delivering outcomes with strong governance. One of its Strategic Goals is Strategic Goal Number 5 – Enhance Governance to Cultivate Leadership and Enterprise in the University. One of the key initiatives under this Strategic Goal is UBD Enable which is the short-mid term solutions / initiative in optimising the administrative and business process within the university. The UBD eHelp system is one of the project initiatives under the UBD Enable. eHelp is an online platform for stakeholders to provide input and receive feedback or complaints on services in UBD. eHelp went live on 2nd October 2019 where the system is fully accessible by UBD stakeholders via <https://e-help.ubd.edu.bn>.



7. **"KAEDAH PENYELENGARAAN YANG EFEKTIF DIBAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN (EFFECTIVE MAINTENANCE APPROACH FOR FACILITIES UNDER MINISTRY OF EDUCATION)"**
Kumpulan "i.JPPE (Inovasi JPPE)" | Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet

SINOPSIS

Jabatan Perancangan dan Pengurusan Estet (JPPE) bertanggungjawab melaksanakan pembinaan, pengubahsuaian, penaiktarafan dan pemeliharaan prasarana dan aset-aset bangunan di Kementerian Pendidikan yang berjumlah 155 buah Institusi Pendidikan, 22 buah pejabat dan 1094 unit perumahan dengan keseluruhan keluasan lantai 1,147,000 m² diseluruh daerah di Negara Brunei Darussalam.

Cabaran utama adalah untuk memastikan bangunan dan prasarana sentiasa selamat untuk sesi pembelajaran dan pengajaran serta kondusif untuk didiami dengan peruntukan yang sangat terhad, proses yang panjang bagi perlaksanaannya, kualiti kerja pemborong yang memerlukan perhatian serta keperluan peningkatan kemahiran pegawai dan kakitangan JPPE. Disamping itu juga sebahagian (56%) aset ini sudah berusia melebihi 30 tahun keatas yang memerlukan peruntukan yang tinggi untuk dibaikpulih dan ada yang sudah usang serta memerlukan pembaikan segera. Untuk menangani cabaran ini, JPPE telah mengenalpasti isu-isu yang dihadapi dan menggariskan beberapa objektif yang perlu dicapai dan seterusnya penyediaan kaedah yang efektif dan inovatif.

Kontrak Pengurusan Fasiliti adalah kaedah yang dikenalpasti untuk digunakan bagi menangani isu dan cabaran ini. Kepelbagaian fungsinya yang seimbang antara kepintaran operasi, taktikal dan strategik mampu menyumbang kepada kejayaan pemeliharaan aset dengan komprehensif, peningkatan kualiti dan penjimatan kos dimasa panjang.

Jabatan ini telah melaksanakan kaedah Kontrak Pengurusan Fasiliti yang telah bermula pada 16 Julai 2019 bagi Daerah Brunei Muara, 3 Ogos 2019 di Daerah Temburong, 18 November 2019 di Daerah Belait dan 4 Mac 2020 bagi Daerah Tutong. Melalui kaedah ini penjimatan \$6.23 Juta setahun berbanding dengan kontrak konvensional dan bukan saja terpeliharaan aset bangunan terjaga tetapi juga dapat memberikan peluang pekerjaan kepada seramai 330 orang penduduk tempatan.



8. “PELAKSANAAN PENILAIAN STUDENT ASSESSMENT TRACKER (S.A.T.) BERKOMPUTER”

Kumpulan “Jabatan Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Peperiksaan” |
Jabatan Perancangan Perkembangan dan Penyelidikan dan Jabatan Peperiksaan

SINOPSIS

The Student Assessment Tracker (SAT) was first administered in 2018 replacing the Check Point Assessments (CPA) that were part of the implementation of the Primary Education Initiatives. Students in all year levels from Year 1 to Year 8 participated in the inaugural assessment then. For the 2019 SAT, only five (5) year levels were assessed; Year 1, 3, 4, 5 and 7 following international best practices where students are assessed at key cognitive development stages, with the addition of Year 4 for research purposes.

Developed and managed by a centralised assessment unit in the Ministry of Education, the SAT is a national measurement of students’ core competencies currently only in English Language literacy, numeracy and science. The assessment takes a psychometric approach using Item Response Theory (IRT) and the principles of Rasch measurement which allows for student and test items to be plotted on one same scale.

Psychometrics is the field of study concerned with the theory and technique of psychological measurement, which includes the measurement of knowledge, abilities, attitudes, and personality traits. The field is primarily concerned with the study of differences between individuals. It involves two major research tasks, namely: (i) the construction of instruments and procedures for measurement; and (ii) the development and refinement of theoretical approaches to measurement.

Kontrak Pengurusan Fasiliti adalah kaedah yang dikenalpasti untuk digunakan bagi menangani isu dan cabaran ini. Kepelbagaian fungsinya yang seimbang antara kepintaran operasi, taktikal dan strategik mampu menyumbang kepada kejayaan pemeliharaan aset dengan komprehensif, peningkatan kualiti dan penjimatan kos dimasa panjang.

Jabatan ini telah melaksanakan kaedah Kontrak Pengurusan Fasiliti yang telah bermula pada 16 Julai 2019 bagi Daerah Brunei Muara, 3 Ogos 2019 di Daerah Temburong, 18 November 2019 di Daerah Belait dan 4 Mac 2020 bagi Daerah Tutong. Melalui kaedah ini penjimatan \$6.23 Juta setahun berbanding dengan kontrak konvensional dan bukan saja terpeliharaan aset bangunan terjaga tetapi juga dapat memberikan peluang pekerjaan kepada seramai 330 orang penduduk tempatan.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN



9. "PROGRAM MANDIRI"

Kumpulan "Unit Pekerja dan Keusahawanan Bahagian Bantuan Kebajikan Am Jabatan Pembangunan Masyarakat" |

Unit Pekerja dan Keusahawanan Bahagian Bantuan Kebajikan Am Jabatan Pembangunan Masyarakat

SINOPSIS

Bantuan Kebajikan Bulanan diberikan adalah bertujuan untuk meringankan beban kewangan golongan susah agar mereka dapat meneruskan kehidupan dan memenuhi keperluan asas. Walaubagaimanapun, Bantuan Kebajikan Bulanan ini tidak mencukupi untuk golongan susah keluar daripada kepompong kemiskinan.

Ke arah ini, Pelbagai program telah dilaksanakan dalam meningkatkan taraf kehidupan golongan susah dengan memberi tumpuan kepada meningkatkan pendapatan melalui peluang pekerjaan dan keusahawanan serta meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan agar mereka dapat bersaing dengan kehendak pasaran.

Program Mandiri di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat merupakan satu program membasmi kemiskinan yang dirangka supaya dapat mewujudkan lebih ramai usahawan dalam pelbagai aktiviti ekonomi.

Pada tahun 2019, penerima bantuan dan tanggungan mereka yang mendapat pekerjaan adalah seramai 205 orang yang dibantu oleh Jabatan ini untuk mendapat pekerjaan di sektor-sektor swasta. Selain daripada itu dari tahun 2016, seramai 15 orang yang telah dibantu oleh Jabatan ini untuk mendapatkan modal perniagaan untuk meningkatkan sosio ekonomi golongan susah.

Kejayaan ini adalah hasil usaha yang berterusan dan kerjasama yang rapat di antara agensi-agensi dan badan-badan bukan kerajaan yang sama-sama membantu meningkatkan taraf kualiti golongan susah melalui kaedah *whole of Nation Approach*.



10. **“Projek Rintis Penterjemahan dan Transliterasi Manuskrip@Bahagian Pusat pengkajian Borneo”**
Kumpulan “penBorneo” | Pusat Sejarah Brunei

SINOPSIS

Pusat Sejarah Brunei (PSB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengorak langkah setapak lagi dengan menubuhkan Bahagian Pusat Pengkajian Borneo (BPPB) atau *penBorneo* selaras dengan dasar tujuan penubuhan PSB yang diperkenankan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya persejarahan Negara Brunei Darussalam itu diselidiki, dikaji, dikumpul, diterbitkan dan dipamerkan agar dapat menjadi informasi dan dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

BPPB diwujudkan pada tahun 2013 sebagai usaha PSB ke arah melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan dalam meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan kepada orang ramai selaras dengan perancangan strategi PSB ke arah meningkatkan sumber rujukan dan pengkajian mengenai persejarahan Negara Brunei Darussalam.

Objektif utama penubuhan BPPB ialah untuk menjadikan BPPB sebagai destinasi pilihan bagi para akademik, penyelidik dan pelajar dalam dan luar negara membuat rujukan dan pengkajian sejarah mengenai Borneo sebagai inisiatif PSB untuk mengangkat BPPB sebagai pusat penyelidikan selaras dengan hala tuju Pelan Strategik KKBS 2020-2024. Inisiatif ini juga secara tidak langsung untuk mendukung Wawasan Negara 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran dan berjaya dalam pelbagai bidang termasuk sejarah.

Salah satu inisiatif PSB untuk mengangkat BPPB sebagai pusat penyelidikan ialah melaksanakan Projek Rintis Penterjemahan dan Transliterasi Manuskrip di BPPB yang memfokus kepada lepasan graduan tempatan yang sedang mencari pekerjaan. Di BPPB menyimpan sejumlah 271 manuskrip yang penting dan bersejarah yang masih banyak belum dibuat kajian oleh para penyelidik khususnya mahasiswa dan mahasiswi pengajian tinggi di negara ini.

KEMENTERIAN KESIHATAN



11. “PROJEK PENGANGKUTAN BAGI PERKHIDMATAN JURURAWAT KE RUMAH PESAKIT”
Kumpulan “Kementerian Kesihatan”

SINOPSIS

Projek ini merupakan salah satu dari penyumbang kepada Matlamat-Matlamat Strategik Kementerian Kesihatan yang terkandung di dalam Pelan Strategik 2019-2023 Kementerian Kesihatan (PSKK). Ianya dihasratkan untuk memberikan hala tuju kepada mengukuhkan sistem dan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penyediaan perkhidmatan yang lebih berkualiti, efektif, efisien, responsif, saksama dan mudah diperolehi selaras dengan konsep liputan penjagaan kesihatan menyeluruh (universal health coverage). Penyediaan PSKK ini juga adalah sebagai tanda dokongan pihak Kementerian Kesihatan terhadap pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk negara ini.

Di antara matlamat-matlamat strategik (strategic goals) yang diberi fokus dalam projek ini adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan yang Cemerlang (Excellence in Health Care Services);
- Kedayatahan melalui Penggunaan Sumber yang Optima dan Inovasi (Sustainability through Resource Optimisation and Innovation); dan
- Tadbir urus yang Telus dan Proaktif (Transparent and Proactive Governance).

In syaa Allah, dengan adanya matlamat-matlamat strategik ini akan dapat menghasilkan Pelan Tindakan yang boleh mendorong kepada Pelaburan untuk Masa Hadapan (investing For Our Future). Pelaburan terbaik dalam jangka panjang ialah untuk mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan yang meliputi sektor awam dan juga swasta; membentuk kerjasama padu dengan penglibatan semua lapisan masyarakat disamping untuk sentiasa meletakkan agenda kesihatan sebagai landasan kepada pembangunan berdaya tahan; dan, menggerak bagi pelaksanaan kesihatan dalam semua dasar (health in all policies) melalui pendekatan whole-of-nation.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI



12. **“Taklimat Cuaca Kebangsaan: Menambahbaik Keberkesanan dan Kecekapan Penyampaian Maklumat”**

Kumpulan “*Weather Smarties*” | Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam / Brunei Darussalam Meteorological Department

SINOPSIS

Jabatan Kaji cuaca Brunei Darussalam (BDMD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi mempunyai peranan dan memegang tanggungjawab penting sebagai agensi cuaca negara kita yang menyediakan pelbagai jenis khidmat dan produk cuaca untuk kegunaan para pengguna. Pada hakikatnya maklumat cuaca disediakan semata-mata bertujuan untuk menyumbang dan membantu ke arah kesejahteraan, keselamatan nyawa dan harta benda serta kemakmuran dan pembangunan ekonomi negara.

Dalam menyampaikan khidmat dan maklumat cuaca yang penting ini kepada pengguna-pengguna, beberapa kaedah lazimnya diguna-pakai. Walau bagaimanapun, cara penyampaian perkhidmatan Jabatan ini sebelum projek diungkayahkan adalah secara satu hala yang tidak menawarkan peluang interaksi dua hala dan berbagai hala bersama para pengguna.

Memandangkan cabaran yang dihadapi dalam penyampaian maklumat dan khidmat adalah dari segi keberkesanannya, BDMD telah menyahut cabaran ini dengan merevolusikan kaedah penyampaian sekaligus meningkatkan khidmat kaji cuaca pada amnya melalui penubuhan satu wadah penyampaian, percambahan fikiran, konsultasi dan maklumbalas dalam bentuk Taklimat Cuaca Kebangsaan (TCK), yang dilancarkan secara rasmi pada Mac 2018 yang melibatkan para pengguna yang terdiri daripada kumpulan-kumpulan pengguna yang luas.

Impak positif telah dicapai semenjak pengenalan TCK dari segi tahap kepuasan dan kefahaman para pengguna dan membuktikan amalan urustadbir yang baik telah menyumbang kepada kecemerlangan perkhidmatan awam yang dituntut oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan.



13. “Kaedah Penyampaian Maklumat Sahih”
Kumpulan “Warta” | Pusat Kebangsaan E-Kerajaan (EGNC)

SINOPSIS

Masyarakat hari ini menikmati kemudahan dalam kehidupan dengan melakukan pelbagai urusan atau aktiviti melalui kepesatan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi digital seperti platform media sosial. Kepentingan perantara komunikasi di era globalisasi antara lain bertujuan untuk memudahkan urusan kehidupan seharian, sebagai contoh melalui komunikasi media sosial sebagai contoh Whatsapp dan Telegram.

Komunikasi Media sosial telah menjadi satu platform atau medium yang mudah digunakan serta mesra pengguna untuk sesiapa sahaja berkomunikasi dan menyampaikan maklumat kepada pelbagai pengguna yang mempunyai akses kepada internet.

Bermula dengan aplikasi Telegram Gov.BN yang telah dilancarkan pada 18^{hb} Mac 2020 sebanyak 40,000 pengguna telah mengikuti aplikasi tersebut. Turut diperkenalkan selepas itu ialah aplikasi WhatsApp Gov.BN, yang mana pihak teknikal EGNC telah berkerjasama dengan agensi tertentu dalam melaksanakan mekanisme *back-end* bagi platform tersebut.

Kaedah Penyampaian Maklumat Sahih adalah merupakan usaha kerajaan dalam memberikan kemudahan untuk orang ramai dalam menyampaikan maklumat selain menangani isu penyebaran berita palsu terutama sekali semasa berlakunya krisis atau insiden yang serius seperti penularan coronavirus atau COVID-19 yang dihadapi pada ketika ini. Maklumat-maklumat rasmi Kerajaan yang terkini dan relevan perlu dikongsikan dengan secepat mungkin kepada orang ramai untuk mengurangkan berbangkitnya penularan maklumat yang tidak sahih. Orang ramai mempunyai rujukan atau akses kepada sumber rasmi dengan cepat dan mudah serta menjadi lebih peka dan berwaspada apabila menerima sebarang maklumat yang tular.

Turut diketengahkan adalah cabaran-cabaran yang telah dihadapi dan pelan yang dirancang bagi peningkatan kedayatahan perkhidmatan ini di masa akan datang. Ianya juga adalah dihasratkan untuk menjadi bukan sekadar platform, bahkan ianya dihasratkan untuk menjadi pusat pengurusan maklumat yang turut mendorong kecanggihan dari aspek tenaga manusia, teknologi dan proses bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam.



14. **“PENYEDIAAN TRAVEL APPLICATION SYSTEM SEMASA COVID-19”**
Kumpulan “Dynamik Developers” | Pusat Kebangsaan E-Kerajaan

SINOPSIS

Tempoh tiga bulan kebelakangan telah cukup memberikan impak kepada dunia akibat pandemik COVID-19 dan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terkecuali daripada impak ini. Berikutan daripada pandemik ini, negara-negara telah melaksanakan kawalan masuk dan keluar negeri, pemberian visa dan permit kerja, penutupan sempadan, peraturan kuarantin yang lebih ketat dan lain-lain sebagai langkah untuk menghindari penularan wabak COVID-19.

Dalam hal ini, langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam menangani impak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam khususnya dalam memperketatkan kawalan keluar negeri telah pun diaturkan melalui tegahan keluar negeri yang telah mula dikuatkuasakan pada 16 Mac 2020. Mana-mana penduduk Negara Brunei Darussalam yang berhasrat untuk keluar negeri adalah dikehendaki untuk memohon bagi *movement permits during the state of emergency* secara dalam talian mulai 28 Mac 2020 di pautan <http://www.pmo.gov.bn/GFECA/Home.aspx>

Pusat Kebangsaan E-Kerajaan seterusnya mengambil inisiatif untuk membangunkan *Travel Application System* bagi Jabatan Perdana Menteri sebagai cara untuk menyediakan perkhidmatan *web-based* dengan mengambil kira jumlah permohonan yang diterima dijangka akan mencapai *high volume* dan proses yang sedia ada adalah secara *manual*.

Pembangunan aplikasi ini telah dilaksanakan melalui kaedah *Agile Development Approach* yang mana terbukti telah berhasil dalam menghasilkan sebuah sistem aplikasi yang berfungsi dengan baik, *integrated*, diuji secara menyeluruh, mempunyai dokumentasi *end-user* serta *potentially shippable*.

Sistem ini juga telah dilaratkan secara lanjut bagi kategori pengguna yang lain seperti *delivery services* dan *runners*. Sistem ini juga dijangka akan dapat dilaratkan bagi tujuan lain seperti permohonan masuk (*inbound*) dan *transit* ke Negara Brunei Darussalam.



15. "BruTRACK"

Kumpulan BruTRACK | Jabatan Perkhidmatan Pos

SINOPSIS

Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi telah memperkenalkan aplikasi BruTRACK pada 25 Januari 2018 yang dihasratkan akan menambah baik kaedah penyaluran maklumat, mengesan dan menjejak barangan pos supaya lebih telus, di samping meningkatkan keyakinan orang ramai mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos. Projek BruTRACK merupakan versi pertama aplikasi keluaran Jabatan Perkhidmatan Pos untuk mengesan perjalanan mel dan bungkusan dalam negeri.

Aplikasi BruTRACK ini mempunyai dua fungsi iaitu mengesan atau menjejak barangan pos bermula ia tiba dan diproses di Pusat Memproses Mel seterusnya diserahkan ke cawangan pejabat pos di mana barang tersebut akan dihantar. Fungsi kedua adalah membantu pelanggan di dalam mencari dan mengetahui poskod bagi kawasan-kawasan di negara ini.

BruTRACK ini membolehkan orang ramai mengetahui lokasi barangan pos import sahaja. Jabatan Perkhidmatan Pos dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan, akan sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan boleh dipercayai kepada orang ramai.



**16. “PROJEK PENYELIDIKAN PENGUKURAN METODOLOGI ‘FIT for PURPOSE’ BAGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Kumpulan “Fit For Purpose” | Jabatan Ukur Cawangan Daerah Tutong

SINOPSIS

Jabatan Ukur Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan pada Jun 1952 dan merupakan salah satu agensi yang bertanggungjawab dalam pentadbiran, penyelarasan serta pengukuran-pengukuran seperti Tanah Tumpang Sementara (LTS), Pengukuran Semula (BR), Pengambilan Tanah (AQ), Gazet (GR), Ganti Tanah (LA), Penggeranan Tanah (PT) bagi orang ramai dan agensi kerajaan khususnya. Menyediakan Maklumat Geomatik yang komprehensif dan tepat serta perkhidmatan yang efisien bagi memenuhi jangkaan pelanggan merupakan misi Jabatan Ukur dan bagi merangsangkan misi tersebut.

Projek ini berdasarkan daripada salah satu laporan kertas kerja mesyuarat daripada badan profesional International Federation of Surveyors (FIG) Commission 7.2 of Cadastre and Land management, Fit-for-purpose (FFP) implementation pada 8 Ogos 2019 di Seoul, Korea Selatan.

Sebagai rujukan projek latarbelakang teknikal pegawai dan kakitangan-kakitangan yang berpengalaman, berpotensi dan berkemahiran dalam pengukuran kadasteral dan geodetik di pilih diCawangan Ukur Daerah Tutong, Ini adalah agar merelisasikan pengukuran metodologi ‘Fit for Purpose’; dengan pengubahsuaian dan tambahan terma teknikal asal ‘Fit for Purpose’ mengikut persekitaran Negara Brunei Darussalam.

Daripada ‘Projek Penyelidikan Pengukuran Metodologi ‘Fit for Purpose’(FFP) Bagi Negara Brunei Darussalam’, ini adalah satu penanda aras kajian kaedah pengukuran yang telah di benarkan kajiannya daripada Juruukur Agung pada 29hb Ogos 2020.

Pada 14 Oktober 2020 Cawangan Ukur Daerah Tutong telah mengadakan ‘Pemberigaaan kaedah kerja kadasteral selama 8 hari waktu bekerja hasil daripada projek penyelidikan berkenaan.

Projek ini adalah untuk memastikan kecekapan dalam mencapai hasil kutipan yang maksimum dengan berpandukan sistem pengukuran teknologi terkini dengan manual proses aliran khas/idea baru. Juga termasuk kemahiran kakitangan Jabatan Ukur yang berpotensi untuk memantapkan perkhidmatan pengukuran kadasteral. Selain itu, kaedah ini juga membantu pihak kerajaan dalam mencapai hasrat untuk memperbaiki kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam laporan World Bank (Ease of Doing Business) terutama sekali dalam proses kemajuan kerja-kerja tanah dan aduan orang ramai.